

Teka-teki dah terjawab

HM 23/9/14 M S 15.

Azmin bakal ganti Abdul Khalid sebagai MB Selangor

Oleh Hadzlan Hassan, Ekhwan Haque Fazul Haque dan Na'imah Mohamed
hmetroshahalam@hmetro.com.my
Shah Alam

Sebagai spekulasi timbul berhubung nama bakal Menteri Besar Selangor yang akhirnya diumumkan lewat petang semalam walaupun pada mulanya dijangka diumumkan pada sebelah pagi.

Selain penyelesaian pada saat-saat akhir, ada pihak mendakwa penangguhan pengumuman nama calon itu berkait rapat dengan faktor keselamatan.

Sementara itu, Istana Selangor petang semalam, mengesahkan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Antarabangsa, Mohamed Azmin Ali bakal menggantikan Menteri Besar Selangor Khalid Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim sekaligus menamatkan teka-teki sejak lebih sebulan lalu.

Justeru, rakyat Selangor akan menerima Menteri Besar mereka yang ke-15 selepas Sultan Selangor berkenan melantik beliau melalui surat diterima pengamal media semalam.

Surat pelantikan dikeluarkan



ABDUL Khalid bersalaman dengan kakitangan kerajaan Selangor pada majlis perpisahan sebagai Menteri Besar Selangor. Gambar kecil, Azmin.

kan Istana Selangor menyatakannya Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah melantik Mohamed Azmin bagi menggantikan Khalid.

Surat itu diserahkan kepada Azmin yang juga Timbalan Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR) semalam dan ditandatangani serta disahkan Setiausaha Sulit Sultan Selangor Datuk Mohamad Munir Bani.

Mohamed Azmin akan dilantik sebagai Menteri Besar Selangor berkuatkuasa esok dan diminta hadir ke Istana Alam Shah, Klang, jam 10.30 pagi ini bagi menjalani Istiadat Angkat Sumpah dan Ikrar Jawatan Aku Janji serta pengurniaan Surat Cara Pelantikan Datuk Menteri Besar Selangor.

“Sukacita dimaklumkan bahawa Sultan Selangor ber-

kenan melantik YB (Yang Berhormat) tuan untuk menjawat jawatan Menteri Besar Selangor berkuat kuasa 23 September (hari ini).

“Sehubungan itu, YB diminta hadir ke istiadat angkat sumpah jawatan dan ikrar aku janji serta pengurniaan Surat Cara pelantikan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor,” kenyaataan yang dipetik dari surat berkenaan.

Perkembangan terbaru itu sekali gus melenyapkan anggapan parti PKR dan DAP yang sebelum ini masih bertegas dengan keputusan memilih Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail sebagai menteri besar.

Ia juga turut menafikan khabar angin dua ADUN daripada PAS masing-masing ADUN Chempaka Iskandar

Abdul Samad dan ADUN Si-jangkang Dr Ahmad Yunus Hairi yang dikatakan akan dipilih menduduki kerusi ‘panas’ itu.

Dengan perkembangan terbaru itu, ia turut dianggap sebagai ‘kemenangan’ kepada Presiden PAS Datuk Seri Abdul Hadi Awang yang sebelum ini secara terbuka menolak Dr Wan Azizah menjadi menteri besar.

Sementara itu, cubaan untuk mendapatkan kenyataan Pengerusi DAP Selangor, Tony Pua gagal kerana beliau tidak menjawab panggilan manakala Pesuruhjaya PAS Selangor, Iskandar Abdul Samad berkata dia akan bekerjasama dengan menteri besar baru walaupun tidak pasti sama ada beliau akan dilantik semula sebagai EXCO Selangor.

Info

Profil Azmin

- Mohamed Azmin Ali, 50, dilahirkan di Singapura pada 25 Ogos 1964.
- Mendapat pendidikan awal di Sekolah Gurney Road (2), Kuala Lumpur, Institut Teknikal, Jalan Cheras sebelum melanjutkan pelajaran ke University of Minnesota, Amerika Syarikat dalam bidang Sains Matematik dan Ekonomi.
- Antara tokoh yang menubuhkan Parti Keadilan Nasional sebelum ditukar kepada Parti Keadilan Rakyat (PKR) pada 1998.
- Mohamed Azmin memenangi kerusi Parlimen Gombak pada PRU 2008 selepas mengalahkan calon Barisan Nasional, Said Anuar Said Ahmad dan juga menang kerusi Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Antarabangsa, pada tahun sama.
- Beliau Timbalan Presiden PKR